



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 22
Bil. 14

6hb Julai, 1978

TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 19.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (PENGIMPOTAN DAGING)
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG, 1977

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 (e) Akta 171. (vii) dan 107 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada mesyuarat Majlis yang telah bersidang pada 25hb Ogos, 1977, telah meluluskan Undang-undang Kecil (Pengimpotan Daging) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1977 (yangmana selepas ini dirujuk sebagai "Undang-undang Kecil tersebut.");

Oleh itu maka sekarang pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-undang Kecil ini seperti berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil **Nama. (Pengimpotan Daging) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1977.**
2. Dalam Undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya **Takrif.** menghendaki makna yang lain—

"daging" termasuk daging binatang-binatang untuk makanan manusia yang disembelih di luar kawasan Majlis yangmana dibawa masuk ke dalam kawasan Majlis dalam keadaan beku ataupun disejukkan, tetapi tidak termasuk daging sebarang binatang yang telah disembelih di luar kawasan Majlis yang telah dikaling, dibubuh garam atau diawait dengan mana-mana proses.

"lesen" ertiya satu permit yang diberi di bawah Undang-undang kecil ini.

"Majlis" ertiya Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

"pegawai perlesenan" ertiya pegawai yang sekarang ini menjalankan tugas-tugas Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Haiwan Majlis dan termasuk Timbalannya serta seorang Penolong Doktor Haiwan.

- “pengimpor tetap” ertiannya mana-mana orang, firma atau badan yang disahkan oleh pegawai perlesenan sebagai pengimpor tetap.
 “pengimpor sese kali” ertiannya mana-mana orang, firma atau badan yang disahkan oleh pegawai perlesenan sebagai pengimpor sese kali.
- Lesen.**
3. Majlis boleh mengeluarkan melalui pegawai pelesenan suatu lesen kepada mana-mana orang, firma atau badan untuk membawa masuk ke dalam kawasan Majlis daging binatang-binatang yang disembelih di luar lengkongan kawasan Majlis.
- Tempoh lesen.**
4. Lesen yang diberikan bolehlah bagi sebarang tempoh yang tidak kurang dari seminggu atau lebih dari setahun mengikut budibicara Majlis, dan lesen seumpama itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat seperti mana yang dikenakan oleh Majlis.
- Penandaan daging.**
5. Tiap-tiap lesen yang diberi di bawah Undang-undang Kecil ini akan mengandungi peraturan-peraturan bagi menandakan daging menunjukkan bahawa ianya telah dibawa masuk ke dalam kawasan Majlis di bawah suatu lesen.
- Bayaran.**
6. Bayaran yang akan dikenakan bagi pengeluaran sesuatu lesen itu adalah sebagai berikut:
 - (a) Lesen kepada pengimpor tetap $3\frac{1}{2}$ sen bagi tiap-tiap sekali padu muatan penyimpanan tertakluk kepada bayaran minima sebanyak \$75.00 setahun atau sebahagian darinya.
 - (b) Lesen kepada pengimpor sese kali
 - (i) untuk Lembu/Kerbau—\$3.00 seekor
 - (ii) untuk Kambing/Kambing Biri-biri—\$1.00 seekor
 - (iii) Babi—\$1.90 seekor
- Pembatalan atau penggantungan lesen.**
7. Pegawai perlesenan boleh membatal atau menggantung bagi suatu tempoh yang terhad perjalanan kuatkuasa sesuatu lesen atas sebarang sebab yang dianggap adil atau mustahak.
- Rayuan.**
8. Jika sesuatu lesen itu dibatal atau digantung, pemegang lesen itu bolehlah merayu kepada Yang Dipertua Majlis yang boleh menguruskan perkara pembatalan atau penggantungan lesen yang dirayukan itu dengan cara yang ia fikirkan sesuai.
- Denda.**
9. Hukuman penjara bagi tempoh yang tidak melebihi setahun atau satu denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-dua hukuman penjara dan denda sekali boleh dikenakan ke atas sesiapa—
 - (a) yang menandakan daging yang telah tidak dibawa masuk ke dalam kawasan Majlis di bawah suatu lesen dengan tujuan supaya dipercaya bahawa daging itu telah dibawa masuk ke dalam kawasan Majlis di bawah suatu lesen, atau
 - (b) menandakan atau memiliki sebarang pencelup, pelit atau sebarang alat lain bagi tujuan menggunakan atau mengetahui atau mempunyai sebab mempercaya bahawa ianya hendak digunakan untuk tujuan melancarkan tanda yang ditetapkan di bawah mana-mana lesen; atau
 - (c) menjual atau mendedah untuk dijual atau memiliki untuk tujuan menjual sebarang daging yang tidak dibawa masuk ke dalam kawasan Majlis di bawah suatu lesen yang mempunyai suatu tanda yang bertujuan menunjukkan tanda yang ditetapkan di bawah mana-mana lesen, kecuali ia membuktikan bahawa ia telah tanpa mengetahuinya menjual atau mendedah atau menyimpan daging seumpama itu.

10. Pegawai perlesenan atau mana-mana pegawai yang biasanya diberi-kuasa secara bertulis bagi tujuan itu boleh, pada bila-bila masa, iaitu pada waktu malam ataupun siang, masuk ke dalam sebarang bangunan dalam mana ia mempunyai sebab untuk mensyaki bahawa sebarang daging binatang yang telah disembelih di luar kawasan Majlis telah dibawa masuk ke dalam kawasan Majlis tanpa lesen diberi di bawah Undang-undang Kecil 3, dan menyita daging seumpama itu yang dijumpai di dalam bangunan tersebut.

Kuasa untuk
masuk dan
menyita.

11. Daging yang mana berhubung dengannya kesalahan itu dilakukan hendaklah dilupuskan sepertimana yang diarah oleh Mahkamah.

Bertarikh pada 8hb Jun, 1978.
[PSUK/PP/16881/Bah. 10; R.50/8/8-1 (V);
PU/PP/1126 Pt. 14.]

WONG HIN FATT,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang